

## **Peranan Kolej Dalam Membentuk Kemahiran Insaniah Dan Memperkasakan Spiritual Pelajar**

Ahmad Najaa' Mokhtar, Hassan Basri Awang Mat Dahan &

Fauziah Hassan

*UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA*

### **Abstrak**

Sejajar dengan falsafah pendidikan negara iaitu mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, kertas kerja ini akan mengupas tentang peranan kolej sebagai satu wadah pemerkasaan spiritual pelajar dalam kolej di samping membentuk kemahiran insaniah mereka. Justeru, kolej semestinya mengimbangkan antara tuntutan jasmani seperti bersukan, mendaki gunung, berkeusahawanan, bersosial dan sebagainya, sementara tuntutan spiritual juga perlu diberikan ruang dalam menjalani dan melengkapkan kehidupan mereka seperti belajar, beradab, berintegriti, beribadat dengan sempurna dan sebagainya. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan bagi mendekatkan kefahaman mengenai hubungan antara kemahiran insaniah dan pemerkasaan spiritual pelajar. Fokus kepada sudut kemahiran insaniah sahaja akan membantutkan perkembangan intelektual pelajar seterusnya akan menyebabkan mereka hanyut dalam dunia mereka tanpa melihat kesan dari segi akhlak dan hubungan dengan Tuhan. Hasil dari kajian ini didapati bahawa pelajar yang cemerlang ialah pelajar yang mengimbangkan antara kemahiran insaniah dan pemerkasaan spiritual dalam kehidupan mereka di kolej kediaman.

**Kata kunci:** Kemahiran insaniah, spiritual, kolej kediaman, Islam, akhlak.

### **Pengenalan**

Pendidikan merupakan satu cabaran kepada semua pendidik. Di rumah, ibu bapa dan keluarga adalah pendidik sementara di sekolah, guru adalah pendidik. Di peringkat tertinggi pelajaran pula mereka mempunyai pendidik yang membimbing mereka ke arah kejayaan selepas belajar mengikut tujuan bidang masing-masing. Sudah tentu pendidikan di institusi pengajian tinggi menggunakan kampus sebagai medan untuk muncurahkan pendidikan yang sempurna buat pelajar yang bakal menjadi harapan masyarakat dan negara. Selain dari dewan dan bilik kuliah, pelajar memikul tugas pembelajaran di tempat penginapan mereka terutamanya yang menginap di kolej kediaman universiti dengan menggunakan fasiliti yang disediakan untuk menyiapkan tugasannya tersebut. Fasiliti yang cukup dan selesa akan menambahkan lagi suasana yang harmoni dalam kalangan pelajar bagi meraih kejayaan yang ditempa. Selain dari itu, kolej berperanan memastikan penghuni dapat belajar dengan baik dan memberikan galakan padu dalam pembentukan sahsiah pelajar khususnya dalam pembentukan kemahiran insaniah dan

pemerkasaan spiritual mereka. Kedua-dua aspek fizikal dan spiritual amat perlu diberi penekanan seiring dengan pembangunan pelajar agar sahsiah mereka cemerlang dan mampu berhadapan dengan cabaran yang mendarat.

### **Konsep Kemahiran Insaniah**

Kemahiran insaniah (*soft skill*) dalam konteks pendidikan di institusi pengajian tinggi adalah merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih terfokus kepada pembangunan keterampilan diri, personaliti dan kemanusiaan. Kemahiran ini diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dan cemerlang dari pelbagai aspek contohnya pekerjaan dan kehidupan (Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin bin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim, Nabilah Yusof, Norlelawati Arifin, 2015).

Kemahiran insaniah merupakan tujuan utama pendidikan negara bagi melahirkan pelajar yang holistik. Sistem pembelajaran yang fokus kepada teori dan praktikal pada bidang tertentu sahaja tidak mampu menyelesaikan masalah pekerjaan selepas belajar tamat. Oleh itu, pelajar perlu memiliki kemampuan lain bagi menghadapi masalah tersebut, di antaranya ialah dengan mencungkil bakat-bakat mereka untuk digilap dan diketengahkan.

Usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memperkenalkan kemahiran insaniah perlu digalas oleh setiap institusi pengajian tinggi khususnya di kolej kediaman yang menjadi sebahagian dari tempat pembelajaran mereka. Jika di dewan atau bilik kuliah, pelajar hanya mempelajari kursus dan mendalamai bidang tertentu namun di kolej kediaman mereka mampu menyerlahkan kemampuan dan minat mereka. Justeru, kolej kediaman perlu menyajikan fasiliti yang mesra penghuni dan menyemarakkan suasana yang bersesuaian dengan keperluan tersebut.

Terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mesti disemai dalam diri pelajar bagi menjayakan tujuan tersebut, iaitu:

#### **i. Kemahiran Berkomunikasi**

Komunikasi yang berkesan dengan menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan baik seiring dengan keperluan kebangsaan dan antarabangsa. Malah digalakkan pelajar menguasai bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab yang menjadi salah satu bahasa utama dalam sistem pembelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia. Pelajar mampu menggilap kemahiran komunikasi tersebut dengan melakukan aktiviti seperti pertandingan pidato, berdebat dan berforum dengan menggunakan beraneka bahasa.

#### **ii. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah**

Kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah iaitu melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Kemahiran seumpama ini perlukan latihan yang berterusan yang boleh diperolehi dengan menganggotai kelab, persatuan atau pasukan yang terdapat di kolej

kediaman. Setiap organisasi yang menjalani kerja secara berkumpulan dan memutuskan keputusan bersama akan meningkatkan kemahiran pemikiran yang kritis dan mampu menyelesaikan masalah.

**iii. Kemahiran Kerja Berpasukan**

Pelajar berkebolehan bekerjasama dalam pasukan apabila diberikan galakkan supaya mereka mengikuti kelab, pasukan atau persatuan yang disediakan oleh pihak kolej kediaman atau universiti. Kerjasama akan terbentuk setelah para pelajar menjalankan pelbagai aktiviti dalam kumpulan. Mungkin pada permulaan ada yang kekok tetapi jika dibiasakan akan melahirkan pelajar yang mempunyai semangat kerjasama yang tinggi.

**iv. Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat**

Kolej kediaman merupakan kesinambungan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Pelajar akan mengikuti pengajian yang ditetapkan di institusi pengajian tinggi kemudian pulang berahat di kolej kediaman dan menyiapkan tugas yang diberi dalam dewan kuliah. Pelajar yang hebat mampu menguruskan pembelajarannya sendiri sementara pelajar lain perlu bantuan dari pihak kolej kediaman menggalakkan mereka terus belajar dan menguruskan maklumat dengan baik. Justeru, pihak kolej seharusnya mempunyai agenda tertentu seperti menyediakan fasiliti untuk tujuan pembelajaran dan mengadakan bengkel atau seminar bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pembelajaran dan pengurusan maklumat.

**v. Kemahiran Keusahawanan**

Keusahawanan adalah satu bentuk peluang bagi pelajar untuk lebih yakin mengharungi hidup di masa hadapan. Pelajar tidak hanya bergantung dengan sijil yang diperolehi dari institusi pengajian tinggi, malah dengan bakat dan minat terhadap keusahawanan yang tinggi akan membantu nasib mereka selepas tamat pengajian. Keusahawanan juga tidak menghalang mereka dari terus bermula walaupun bekerja secara profesional kerana waktunya yang terluang membenarkan mereka untuk melakukan aktiviti perniagaan. Bagi merealisasikan kemahiran keusahawanan dapat diterapkan kepada pelajar, kolej kediaman perlu menggalakkan aktiviti keusahawanan seumpama memberikan kiosk atau gerai untuk pelajar menjalankan perniagaan di samping memberikan bimbingan yang berterusan.

**vi. Etika dan Moral profesional**

Etika dan moral profesional adalah perkara yang sangat penting yang perlu ada dalam diri pelajar. Dalam agama Islam, ia dikenali sebagai akhlak. Akhlak ialah jati diri yang lahir daripadanya sesuatu perbuatan tanpa perlu berfikir dan merancang (Ibn Maskawih, 2010). Semaian akhlak bermula semenjak kanak-kanak hingga dewasa. Nilai-nilai mulia yang diterapkan sepanjang usia tersebut boleh membentuk akhlak yang baik dalam jiwa seseorang pelajar.

Dengan dasar yang jelas terhadap pembentukan etika dan moral profesional, institusi pengajian tinggi menjadikannya sebagai teras pembangunan pelajar. Di kolej kediaman, suasana yang mendorong kepada pembentukan etika dan moral profesional perlu diwujudkan seperti melakukan aktiviti kebersihan, kempen ikut peraturan, diskusi dan pertandingan kefahaman konsep etika dan moral. Aktiviti seumpama ini perlu dilakukan secara berkala dan berterusan supaya pelajar dapat menghayati konsep tersebut dan mengamalkannya.

#### vii. Kemahiran Kepimpinan

Kemahiran kepimpinan melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri kepimpinan. Untuk menggilap kepimpinan pelajar, kolej kediaman berperanan membantu mereka dengan mewujudkan organisasi pelajar seperti Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, persatuan dan kelab. Dengan pendedahan mereka terhadap sistem organisasi, mereka dapat belajar kepimpinan dan pengurusan sesebuah organisasi. Pelajar juga mampu mengendalikan program dan pandai menarik khalayak untuk mengikuti program yang dijalankan. Dari pengalaman tersebut, pelajar akan mencapai tahap keyakinan yang tinggi terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan dan mampu menjalani kehidupan yang lebih mencabar di masa akan datang.

### **Konsep Spiritual**

Spiritual menurut Kamus Dewan (2005) membawa maksud rohani atau jiwa (bukan bersifat fizikal). Fizikal adalah lawan spiritual. Namun kedua-duanya tidak dapat dipisahkan dan perlu dibangunkan seiringan. Oleh itu, gabungan kedua-duanya menjadikan sebuah kehidupan yang lebih baik. Allah SWT berfirman:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (4) ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ (5) إِلَّا الَّذِينَ آتَيْنَاهُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus (Al-Tin 95:4-6).

Ayat-ayat di atas menerangkan kepada kita bahawa kejadian manusia adalah sebaik-baik kejadian, namun kesempurnaan kejadian tersebut akan cacat dan lebih buruk jika tidak diimbangkan dengan kerohanian iaitu beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya serta melakukan segala amalan soleh seperti yang ditetapkan. Justeru, keseimbangan antara fizikal dan spiritual akan mendapat kurniaan Allah di dunia maupun di akhirat.

Menurut Al-Jurjani (2004), spiritual adalah seperti akal dan jiwa manakala fizikal terdiri daripada anggota tubuh badan. Jelasnya, kedua-dua unsur ini memerlukan antara satu sama lain bagi menjalani kehidupan yang lebih baik. Fizikal yang baik tidak menjamin spiritual yang baik tetapi yang pasti, spiritual yang baik akan melahirkan perlakuan dalam bentuk fizikal yang baik. Kita juga tidak mampu melabelkan seseorang hanya dengan penampilan yang menarik kerana penampilan boleh berubah mengikut gaya hidup seseorang, malah kita dapat saksikan berapa ramai manusia yang zahirnya baik tetapi hakikatnya dia hanya menonjolkan kebaikan untuk tujuan dan kepentingan tertentu.

Oleh kerana itu, Nabi Muhammad SAW berpesan kepada umatnya agar tidak terpedaya dengan penampilan fizikal seseorang kerana ia tidak menggambarkan dirinya yang sebenar tetapi dengan kekuatan spiritual, jati diri akan terzahir. Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُنْظِرُ إِلَيْ صُورَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَلَكُنْ يُنْظِرُ إِلَيْ قُلُوبَكُمْ وَأَعْمَالَكُمْ

Sesungguhnya Allah tidak melihat pada bentuk fizikal dan harta kamu tetapi Dia melihat hati dan amalan kamu (Al-Humaydiy, 2002)

Dalam kehidupan hari ini, kita dapat melihat betapa penting dan berharganya masa untuk melahirkan generasi yang intelek dan berkemahiran tinggi. Pelbagai cadangan dan pelaksanaan telah dilakukan bagi memastikan harapan dan matlamat tercapai. Kemajuan telah dicapai dengan jayanya, teknologi yang tinggi terdapat di mana-mana sahaja dan capaian maklumat terlalu mudah dan terlalu banyak untuk diperolehi. Persoalannya, adakah semuanya itu dikira sebagai pencapaian yang hakiki yang dikehendaki oleh semua manusia? Jika ya, kenapa berlaku pelbagai masalah yang menjadi isu masyarakat seperti pembuangan bayi, tekanan hidup dan pembunuhan? Jika tidak, apakah penyelesaian terhadap isu-isu yang timbul? Jawapannya, keperluan dalam kehidupan bukan hanya memenuhi kehendak fizikal tetapi mengimbangi kehendak tersebut dengan melaksanakan keperluan spiritual.

Dalam konteks kolej kediaman, keperluan fizikal seperti yang disebutkan dalam konsep kemahiran insaniah di atas adalah untuk melahirkan insan yang berkemahiran untuk memudahkan urusan pekerjaan selepas tamat belajar. Ia merupakan tuntutan yang utama yang tidak boleh diketepikan oleh mana-mana pihak kerana tujuannya amat jelas iaitu memastikan pelajar mendapat pekerjaan. Agama juga menyokong konsep tersebut dijadikan panduan umum. Allah SWT berfirman:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan

pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan " (Al-Qasas 28:77).

Ayat ini menerangkan kepada umat manusia supaya memperbanyakkan amalan supaya memperolehi kekayaan di akhirat, namun jangan dilupa berusaha mendapatkan keselesaan di dunia. Dalam ayat ini juga ditegaskan bahawa kekayaan dan keselesaan di dunia adalah limpah kurniaan Allah SWT yang sepatutnya digunakan dengan baik seperti menderma dan membantu orang susah. Jika kurniaan tersebut tidak digunakan dengan baik akan dibalas di akhirat nanti dengan balasan yang memedihkan.

### **Pembangunan Kemahiran Insaniah Dan Spiritual Pelajar Di Kolej Kediaman**

Untuk melahirkan pelajar yang berjaya di masa hadapan, perlunya semua pihak menggembeling tenaga membina kemahiran dan jati diri mereka. Jika semua pihak memainkan peranan tersebut, sudah pasti para pelajar menempa masa hadapan yang amat cerah. Namun, dengan niat dan rancangan sahaja tidak memadai, malah ia memerlukan kesungguhan yang berterusan bagi merealisasikan matlamat tersebut.

Dalam konteks kolej kediaman, pembangunan kemahiran insaniah seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilaksanakan dengan baik. Sebagai contoh, Kolej Kediaman 1 (KK1), USIM telah memberikan perhatian dalam pembangunan tersebut dengan menjalankan pelbagai aktiviti dan mewujudkan kumpulan-kumpulan dalam kalangan pelajar bagi menggarap kebolehan dan bakat mengikut kesesuaian dan impian mereka.

Kemahiran insaniah yang diterapkan di KK1, USIM seperti program debat, dialog, forum, lawatan ilmiah dan santai, kursus perisian komputer dan aplikasi, kursus keusahawanan dan aplikasinya, kursus kesedaran, kesihatan dan keselamatan, gotong-royong dan sebagainya. Kesannya dapat dilihat dengan perubahan sikap yang lebih positif. Sebagai contoh, pelajar sering mencadangkan agar diadakan program gotong-royong kerap kali dan kehadirannya amat memuaskan. Contoh lain, program pemerkasaan Bahasa Inggeris, kehadiran hampir 200 penghuni Kolej Kediaman. Begitu juga program kesedaran berkenaan isu LGBT, penghuni yang hadir lebih daripada separuh penghuni KK1. Perlu ditegaskan di sini juga bahawa kehadiran pelajar menghadiri aktiviti dan program yang disebutkan tidak diwajibkan dan tidak dimeritkan.

Justeru, dapat disimpulkan berkaitan dengan kemahiran insaniah yang diterapkan di KK1, USIM telah berjaya dari aspek pengisiannya. Namun begitu, seharusnya aktiviti dan pengisian bagi melahirkan pelajar yang holistik tidak akan lengkap dan sempurna jika aspek spiritual diambil mudah. Walaupun pelajar (USIM) telah mempunyai kefahaman agama di peringkat asas di sekolah-sekolah mereka terdahulu dan juga bimbingan keluarga dan masyarakat, mereka juga perlu dilatih supaya mengekalkan kefahaman dan amalan agama yang dipelajari dan dilimpahkan ilmu-ilmu baru dan amalan-amalan (*ma'thurat*) yang selari dengan ajaran Islam dengan lebih khusus.

Apabila digabungkan pembangunan kemahiran insaniah dan pengukuhan spiritual maka akan lahir pelajar yang holistik seperti yang diidamkan oleh USIM dengan tujuan Kampus Barakah. Konsep Kampus Barakah adalah suatu tempat yang melahirkan generasi yang baik dan diberkati yang diinspirasi daripada firman Allah SWT:

**بِلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ عَفْوٌ**

Negeri yang baik dan Tuhan Yang Maha Pengampun

Walaupun setiap kolej kediaman mempunyai hala tuju yang tersendiri mencorak para penghuninya, namun ia tidak lari dari matlamat asalnya iaitu mewujudkan persekitaran yang bersesuaian untuk keperluan peribadi bagi mencapai prestasi diri yang baik (Anuar, M., Muhamad Darus, F. & Syeh Yahya, S.Y., 2006). Justeru, kolej kediaman perlu memainkan peranan yang lebih progresif dalam menyempurnakan matlamat tersebut selari dengan landasan agama dan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam satu kajian terhadap pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM, mengenai hubungan antara amalan kerohanian dan pembelajaran mendapat bahawa terdapat kaitan rapat di antara kerohanian dan pembelajaran tersebut (Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail, 2012). Hasil dapatan ini memberi kefahaman bahawa hubungan antara aspek fizikal dan aspek spiritual dalam kehidupan pelajar di institusi pengajian tinggi tidak boleh dipisahkan, malah ia boleh dikatakan saling memerlukan antara satu sama lain.

Dari aspek spiritual, KK1, USIM ingin berkongsi beberapa aktiviti dan amalan yang dilaksanakan oleh pelajar. Penulis mencadangkan agar perkara ini perlu diambil berat dan dilaksanakan dengan cara berhemah dan berterusan. Cadangan ini merupakan hasil daripada pelaksanaan yang telah diterapkan kepada penghuni KK1, USIM, antaranya ialah solat berjemaah, berzikir bersama, amalan membaca al-Quran, kelas agama yang berterusan, penerapan amalan mulia dan memelihara kebersihan, kesihatan dan keselamatan.

#### i. Solat Berjemaah

Mulai Julai 2018, KK1 telah menggalakkan penghuni terutamanya lelaki melaksanakan solat fardu secara berjemaah di Kompleks Islam Tuanku Mukhriz (Masjid USIM). Galakkan ini mendapat sambutan hangat daripada penghuni terutamanya pada waktu solat Maghrib, Isyak dan Subuh. Komitmen penghuni KK1 menjadikan Masjid USIM sebagai tempat solat berjemaah mendapat pujian daripada pihak masjid sendiri. Perkara ini bukanlah menjadi kebanggaan tetapi pihak KK1 amat teruja dengan sikap ambil berat penghuni terhadap asas agama Islam yang paling utama.

Solat jemaah sebenarnya mengajar erti kehidupan luar solat seperti menepati waktu dalam apa ju urusan, mengajar kebersihan diri dan sekeliling, mengikut peraturan yang diinspirasikan oleh tertib perlaksanaan solat yang mestilah diikut satu persatu, bekerja berkumpulan

yang mesti berada di bawah naungan seorang ketua atau imam dan juga kepimpinan yang mencerminkan kepaduan.

ii. Berzikir

Perkara yang menjadi amalan umat Islam sebelum difardukan solat, puasa, zakat dan haji ialah zikir dan membaca Al-Quran. Sudah tentu amalan ini mempunyai kelebihan tertentu dan kepentingan dalam pertaruhan kehidupan manusia. Oleh itu, Allah SWT menyebut tentang kelebihan berzikir memberikan ketenangan jiwa seperti dalam berfirman-Nya:

"dan Dia memberi petunjuk sesiapa yang rujuk kepadaNya. (laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia" (Al-Ra'd 13:27-28).

Dalam menerapkan amalan berzikir secara khusus, pihak jaksa telah mengenalpasti beberapa potongan ayat Al-Quran seperti Ayat Manzil dijadikan sebagai zikir harian bagi penghuni KK1. Amalan ini dilakukan bersama-sama terutamanya pada waktu sebelum tidur iaitu kira-kira jam 11 malam. Kelebihan amalan ayat Manzil ini antaranya mencegah daripada terkena gangguan jin dan syaitan.

iii. Membaca Al-Quran

Di atas telah dinyatakan bahawa membaca Al-Quran merupakan amalan utama sebelum diperintah kefarduan lain. Membaca Al-Quran bukan setakat untuk meraih pahala yang besar malah ia adalah panduan hidup umat Islam dengan cara mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya. Allah SWT menegaskan bahawa kejayaan di dunia dan akhirat juga diperolehi dengan membaca Al-Quran seperti firman-Nya yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan solat serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara tersembunyi atau nyata, dengan harapan pelaburan yang tidak merugikan. Sudah pasti Allah akan menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membala dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepada-Nya)" (Fatir 35:29-30).

Pelaksanaannya dengan diterapkan dengan membaca surah Al-Mulk pada setiap malam seusai solat Isyak dan juga diperdengarkan bacaan tersebut sebelum tidur iaitu kira-kira jam 11 malam.

iv. Amalan Menjaga Kebersihan, Kesihatan, Keselamatan

Dalam agama Islam, keperluan asas yang perlu dipelihara secara keseluruhan bagi umat manusia, disebut sebagai *Maqasid Shari'ah* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan. Amalan menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan merupakan ciri-ciri *maqasid shari'ah* yang dituntut oleh agama. Oleh demikian, perkara tersebut tidak boleh dipandang ringan malah ia adalah seiringan dengan peraturan yang ditetapkan oleh kolej kediaman. Dalam konteks KK1, sebagai contoh, para penghuni amat prihatin dengan kecerian dan kebersihan dengan menyatakan kesanggupan mereka secara sukarela bergotong royong membersihkan kawasan secara berkala. Dengan penjagaan kebersihan, kesihatan dan keselamatan secara beterusan tentunya memberi kesan kepada pembangunan pelajar, malah ia melambangkan keharmonian dan ketenteraman spiritual pelajar secara tidak langsung.

v. Mewujudkan Kelas Agama Yang Berterusan.

Kesedaran spiritual perlu dibimbing dengan peringatan yang berterusan. Antara kaedah yang berjaya yang telah dilaksanakan oleh KK1 seperti kelas agama yang dilakukan secara teratur mengikut keperluan pelajar. Aktiviti berkaitan dengan kelas agama, antaranya kuliah Maghrib yang mengupas asas-asas agama, adab-adab pelajar dan bimbingan berterusan dengan usrah-usrah yang telah diselaraskan kandungannya. Bimbingan dan peringatan yang berterusan ini tegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

“Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman” (Al-Dhariyat 51:55).

### **Kesimpulan**

Kolej kediaman perlu berperanan dalam pembangunan kemahiran insaniah dan spiritual pelajar secara bersepadu. Elemen kemahiran insaniah dapat dijayakan dengan penglibatan langsung dari pihak kolej kediaman dengan sulaman pemerkasaan aspek spiritual bagi melahirkan pelajar yang holistik. Namun penulis yakin banyak lagi perkara yang berkait dengan spiritual perlu dilaksanakan di kolej kediaman yang tidak diasingkan dengan kemahiran insaniah dan perkara-perkara lain.

### **Rujukan**

- Al-Quran.
- Al-Humaydiy, M. F. (2002). *Al-Jam' baina al-Sahihayn Al-Bukhariy wa Muslim* (2 ed., Vol. 4). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Jurjani, A. M. (2004). *Al-Ta'rifat*. Cairo: Dar al-Fadilah.
- Anuar, M., Muhamad Darus, F. & Syeh Yahya, S.Y. (2006). Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. *Persidangan Kebangsaan Pembangunan Pelajar*. Kuala Lumpur.
- Ibn Maskawih, A. M. (2010). *Tahzib al-Akhlaq*. Jeddah: Dar al-Tayyibah.
- Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin bin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim, Nabilah Yusof, Norlelawati Arifin. (2015). Kemahiran Insaniah Dan Aktiviti Ko-Kurikulum Di Sekolah Menengah Dan Universiti Awam. *International Language and Education Conference (iLEC 2015)* (p. 267). Seremban: <https://www.researchgate.net/publication/296282651>.
- Pustaka, D. B. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail. (2012). Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 51-60.